



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN (PENCEN)
Aras 2-5, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : Pusat Panggilan: 03-88854906/03-88854475/03-88854477
Faks : 03-88892193/88892196
Web : <http://www.jpapencen.gov.my>



Pemenang
Anugerah Perdana
Teknologi
Maklumat 2006

Rujukan : **JPA/PEN(S)256/22-1(10)**

Tarikh : **12 April 2012**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan/Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

MAKLUMAT GAJI AKHIR BAGI URUSAN PEMBAYARAN FAEDAH PERSARAAN DAN FAEDAH TERBITAN BERDASARKAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2012 ATAU PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2012

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti sedia maklum, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012- Kenaikan Gaji Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia (PP Bil. 1/2012) dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012- Kenaikan Gaji Bagi Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia Di Bawah Sistem Saraan Malaysia(PP Bil.2/2012) telah dikeluarkan bagi melaksanakan keputusan Kerajaan bagi maksud peningkatan gaji anggota sektor awam antara 7% – 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012.

3. Jabatan ini telah menguruskan pembayaran faedah persaraan bagi anggota sektor awam yang telah bersara pada atau selepas 2.1.2012 atau

meninggal dunia pada atau selepas 1.1.2012 berasaskan gaji akhir sebelum PP Bil.1/2012 atau PP Bil. 2/2012 dikeluarkan.

4. Sehubungan itu, bagi maksud penghitungan semula faedah persaraan berdasarkan PP Bil. 1/2012 atau PP Bil. 2/2012, **Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan maklumat mengenai perubahan gaji anggotanya yang bersara pada atau selepas 2 Januari 2012 atau meninggal dunia pada atau selepas 1 Januari 2012 selewat-lewatnya pada 23 April 2012 (Isnin). Maklumat yang diperlukan adalah penyata perubahan gaji (KEW 8) atau catatan pada kenyataan perkhidmatan yang telah disahkan mengenai emolumen terkini berasaskan PP Bil.1/2012 atau PP Bil. 2/2012.**

5. Sebarang pertanyaan mengenai arahan ini bolehlah dirujuk kepada pegawai berikut:

- i) Timbalan Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan (Cawangan Operasi)
03-88854015
ghazali.hizam@jpa.gov.my
- ii) Ketua Penolong Pengarah Unit Prosesan Pencen Perkhidmatan Awam
Bahagian Pasca Perkhidmatan
03-88854138
sufirdaus@jpa.gov.my
- iii) Ketua Penolong Pengarah Unit Prosesan Pencen Badan Berkanun dan Pelbagai
Bahagian Pasca Perkhidmatan
03-88854137
maslinda.haron@jpa.gov.my

- iv) Ketua Penolong Pengarah Unit Prosesan Faedah Terbitan
Bahagian Pasca Perkhidmatan
03-88854122
zainuddin.noor@jpa.gov.my

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' YEOW CHIN KIONG)

Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA